

Prasarana tuntutan pampasan RM38 juta

Jumlah amaun melibatkan kos baik pulih kerosakan, operasi pelan kontingensi

KUALA LUMPUR

Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju dan pemilik tapak projek pembinaan sebuah hotel yang menjadi punca gangguan operasi Transit Aliran Ringan (LRT) Stesen Masjid Jamek serta Bandaraya di sini termasuk menuntut pampasan berjumlah RM38 juta.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, amaun tuntutan itu melibatkan kos baik pulih kerosakan struktur di beberapa jejambat LRT dan kos

operasi pelan kontingensi melibatkan penyediaan bas perantara.

Menurutnya, keputusan bagi menuntut segala pampasan dan tindakan undang-undang hanya selepas semua proses pembaikan selesai dilaksanakan.

"Ini arahan yang kementerian terima kerana jika kita ambil tindakan lain seperti menuntut pampasan dahulu, baru fikir nak baiki, gangguan akan berlanjutan lebih lama dan menyusahkan pengguna. Kena ingat stesen ini tutup lebih setahun lalu.

"Jadi, kerja-kerja pembaikan yang bermula Mac tahun lalu berjaya disiapkan pada Disember lepas sebelum melalui beberapa siri ujian bagi tujuan keselamatan rel dan pematuhan piawaian, sebelum kita buka sepenuhnya semula operasi pada Sabtu," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau operasi pembukaan semula Stesen LRT Bandaraya di sini.

Ditanya sama ada projek pembinaan hotel berkenaan

akan diteruskan atau dihentikan, Anthony berkata, keputusan berkaitan perkara itu terletak di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun, mengambil pengajaran daripada kes ini yang memberi kesan besar kepada keselesaan pengguna, sekiranya ia diteruskan kita harap syarat yang lebih ketat dikenakan bagi mengelak perkara sama berulang pada masa akan datang," katanya.

Mengenai gesaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang merayu kerajaan campur tangan dalam isu dihadapi penghantar p-hailing melibatkan kadar upah, Anthony berkata, pihaknya akan mengkaji perkara berkenaan.

"Kita akan berbincang dengan kementerian lain yang terlibat dan pada masa sama meminta pihak Grab untuk memberikan penjelasan," katanya.

Media pada Jumaat melaporkan Setiausaha Agung MTUC,



FOTO: BERNAMA

Anthony (kiri) menaiki LRT menuju ke Stesen Masjid Jamek selepas sidang akhbar pembukaan semula laluan antara Stesen Masjid Jamek dan Bandaraya di Stesen Bandaraya pada Sabtu.

Kamarul Baharin Mansor bersama lebih 50 penghantar makanan, menyerahkan memorandum berkaitan isu tersebut kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan Dr

Nor Fuad Abdul Hamid di Putrajaya.

Menurut Kamarul, penurunan kadar upah asas sejak sebulan lalu telah menjejaskan pendapatan harian golongan penghantar. - Bernama